keterangannya dan juga di dalam percakapan beramarannya (D1) tertuduh menyatakan bahawa dia setuju untuk mengikut Mazlan pergi minum tuak di Kampung Siam. Kalaulah benar tertuduh hendak cepat ke tempat kerja sudah tentu dia tidak akan bersetuju untuk pergi minum tuak bersama Mazlan.

Satu lagi perkara yang Mahkamah perlu mengambil kira ialah tindak tanduknya semasa dia ditangkap oleh pihak polis. Tertuduh tidak menafikan bahawa berlakunya pergelutan diantara dia dan anggota-anggota polis. Katanya dia meronta-ronta semasa ditangkap kerana dia merasa cekik dilehernya. Setelah menilai keterangan-keterangan tertuduh dan pendakwa berkait pergelutan yang berlaku, saya berpendapat, tindakan tertuduh semasa dia ditangkap jelas menunjukkan bahawa dia sedar yang dia telah melakukan sesuatu yang salah di sisi undang-undang. Ringkasnya, tindakan tertuduh semasa ditangkap adalah tidak selaras dengan seorang yang tidak bersalah.

Akhirnya, setelah menimbang keseluruhan keterangan yang di kemukakan oleh pendakwa dan pembela saya berpuas hati, tanpa keraguan yang munasabah, bahawa semasa tertuduh ditangkap P5 berada di dalam jagaan dan kawalannya. Dengan itu di bawah s.37(d) Akta, tertuduh dianggap memiliki "cannabis" yang terkandung di dalam P5 dan juga dianggap mengetahui jenis dadah itu. Oleh kerana jumlah "cannabis" yang terlibat adalah melebihi had statutori yang di nyatakan di bawah s.37 (da) (vi) Akta, maka tertuduh juga, dianggap mengedar dadah tersebut. Seterusnya, saya mendapati tertuduh telah gagal, di atas imbangan kebarangkalian, menyangkal anggapan-anggapan statutori tersebut.

Oleh itu saya berpuas hati, tanpa keraguan yang munasabah, tertuduh adalah bersalah di atas pertuduhan yang dikemukakan. Tertuduh didapati bersalah dan disabitkan. Sebagaimana yang diperuntukkan oleh undang-undang tertuduh dikenakan hukuman mati.

PENDAKWA RAYA

lwn.

TWENTY FIRST CENTURY PRODUCT SDN BHD.

MAHKAMAH TINGGI, KUALA LUMPUR
DATO' HAJI ARIFIN BIN HAJI JAKA PK.
[RAYUAN JENAYAH NO. 41-195-92]
21 OGOS 1993

PROSEDUR JENAYAH: Penyiaran iklan bahawa penggunaan ubat-ubat boleh merawati atau mencegah penyakit dan memperbaiki fungsi seks - Samada ianya kesalahan dibawah s. 3(1) Akta Ubat (Iklan dan Penjualan) 1956.

RAYUAN: Samada Pendakwaraya telah membuktikan kes prima facie - Makna perkataan "penyiaran" dalam konteks Akta Ubat (Iklan dan Penjualan) 1956.

Ini adalah satu rayuan daripada Pendakwaraya dimana pihak responden telah dibebaskan dan dilepaskan tanpa dikehendaki membela diri atas 3 tuduhan yang telah dibawa terhadapnya dibawah s. 3(1) Akta Ubat (Iklan dan Penjualan) 1956 (kemudian ini dirujuk sebagai "Akta").

Seorang pengawai kesihatan telah memperolehi satu buku (P3) dari sebuah farmasi yang menjual produk untuk kesihatan tubuh (health foods) jenama 21st Century. P3 mengandungi iklan-iklan yang dikatakan melanggar s. 3 (1)(a)& (c) dan s. 4B Akta itu.

Majistret perbicaraan telah menegaskan bahawa oleh kerana hakmilik dan hakcipta buku P3 dipunyai oleh syarikat yang berdaftar di Australia dan kandungan buku tidak diubahsuai langsung oleh responden yang hanya mengimport dan mengedarkan buku itu ke farmasi, pengedaran sahaja tidak harus di anggap sebagai penyiaran daripada sesuatu.

Saksi responden, iaitu jurujual di farmasi menyatakan bahawa P3 bukan untuk pengedaran di kalangan orang ramai dan dia telah didesak oleh pegawai tersebut untuk memberikan buku itu.

Diputuskan:

[1] "Penyiaran" tidak diberi definasi dibawah Akta. Implikasi kegunaannya dalam Akta ialah penyebaran iklan yang berhubung dengan penyakit tertentu dibawah s. 3(1) dan penyebaran iklan ubat di bawah s. 4B(1) kepada orang ramai. Kamus Dewan Edisi Baru menyatakan "penyiaran" bererti "menghebahkan kepada orang ramai."

[2] Tidak ada keterangan menunjukkan Responden telah berperanan dalam penyiaran iklan seperti yang disebutkan dalam 3 tuduhan -tuduhan itu. Responden telah membekalkan buku itu kepada farmasi yang adalah salah satu daripada kelas orang dimana penyiaran iklan boleh dibuat. Responden menyimpan dan mengedarkan buku itu kepada golongan yang disenaraikan di s. 3 (2) Akta. Ini bukan kesalahan. Pendakwaraya perlu membuktikan yang tertuduh mengambil peranan menyiarkan iklan kepada orangramai dengan cara menyebarkan iklan kepada orangramai.

[Rayuan ditolak].

Perundangan yang dirujuk:
Akta Ubat (Iklan dan Penjualan) 1956 (Disemak 1983) ss. 3 (1) (a), (c), (2), 4B, 5 (1) (1)

Sumber lain yang dirujuk:
Black's Law Dictionary with Pronounciation, Edisi Kelima
Kamus Dewan Edisi Baru

Bagi pihak Perayu - Shamsul bin Sulaiman TPR
Bagi pihak responden - Muralee Menon; T/n. Jaffar & Menon

ALASAN PENGHAKIMAN

Haji Arifin bin Haji Jaka PK:
Responden dalam kes ini, Twenty First Century Product Sdn. Bhd, didakwa di Mahkamah Majistret, Jalan Duta, Kuala Lumpur diatas tiga kesalahan dibawah s. 3(1) Akta Ubat (Iklan dan Penjualan) 1956 (Akta) yang boleh dihukum dibawah s. 5(1) Akta yang sama. Pertuduhan-pertuduhan terhadap responden adalah seperti berikut:

Pertuduhan Pertama:

Bahawa kamu pada 3 Julai 1991 di Lot G, 15 Ground Floor Pertama Kompleks, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur telah mengambil bahagian di dalam penyiaran suatu iklan bertajuk "Royal Korean Ginseng" di dalam Bahasa Inggeris yang merujuk kepada artikel yakni "Kapsul Royal Korean Ginseng" yang direncanakan untuk mempengaruhi kepada penggunaan artikel tersebut sebagai ubat bagi maksud memperbaiki fungsi seks atau performans seks manusia dan dengan itu kamu telah melakukan suatu kesalahan di bawah s. 3(1)c Akta Ubat (Iklan dan Penjualan) 1956 (Di semak -1983) yang boleh dihukum dibawah s.5(1) Akta yang sama.

Pertuduhan Kedua:

Bahawa kamu pada 3 Julai 1991 di Lot G, 15 Ground Floor, Pertama Kompleks, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur telah mengambil bahagian di dalam penyiaran suatu iklan bertajuk "Selenium'n Ace" di dalam Bahasa Inggeris yang merujuk kepada artikel yakni "Kapsul Selenium'n Ace" yang direncanakan untuk mempengaruhi kepada penggunaan artikel tersebut, sebagai ubat bagi maksud mencegah penyakit Kanser iaitu suatu penyakit yang disenaraikan di dalam jadual yang dinyatakan didalam s. 3(1) Akta Ubat (Iklan dan Penjualan) 1956, (Di semak - 1983) dan dengan itu kamu telah melakukan suatu kesalahan dibawah s.3(1) a. Akta Ubat (Iklan dan Penjualan) 1956 (Di semak - 1983) yang boleh dihukum dibawah s. 5 (1) Akta yang sama.

Pertuduhan Ketiga:

Bahawa kamu pada 3 Julai 1991 di Lot G, 15 Ground Floor, Pertama Kompleks, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur telah mengambil bahagian dalam penyiaran suatu iklan bertajuk "Dong Quai" di dalam Bahasa Inggeris yang merujuk kepada artikel yakni "Tablet Dong Quai" yang direncanakan untuk mempengaruhi kepda penggunaan artikel tersebut sebagai ubat bagi maksud merawat penyakit-penyakit atau keadaan-keadaan tubuh manusia, lain daripada penyakit-penyakit atau keadaan-keadaan yang dinyatakan di dalam s. 3(1) Akta Ubat (Iklan dan Penjualan) 1956 (Di semak - 1983) melainkan iklan itu telah diluluskan oleh Lembaga Iklan Ubat dengan itu kamu telah melakukan suatu kesalahan dibawah s. 4B Akta Ubat (Iklan dan Penjualan) 1956 (Di semak - 1983) yang boleh di hukum dibawah s. 5(1) Akta yang sama.

Di akhir kes pendakwa Majistret perbicaraan telah membuat perintah membebaskan dan melepaskan responden (acquitted and discharged) tanpa dikehendaki membela diri berdasarkan pendakwa telah gagal membuktikan kes *prima facie* terhadap responden. Pendakwa raya tidak berpuas hati dengan perintah yang berkenaan dan merayu kepada mahkamah ini.

Fakta kes ialah pada 3 Julai 1991, seorang pembantu farmasi dari Kementerian Kesihatan diatas arahan Pegawai Farmasi dari kementerian yang sama telah membeli tablet

vitamin C (P1) di Lot G, Pertama Kompleks, Kuala Lumpur dan mendapatkan satu naskah buku mengenai Vitamins (P3) dari salah seorang jurujual salesgirl di City Farmasi. Pembelian vitamin itu adalah untuk penyiasatan.

Pada keesokan hari iaitu pada 4 Julai 1991 sebanyak tiga puluh naskah buku yang sama dengan P3 dirampas dari City Farmasi. Dari premis responden pula di No. 42 Lorong Datuk Sulaiman, Taman Tun Dr. Ismail, Kuala Lumpur sebelas naskah dan dari premis No. 14, Taman Tun Dr. Ismail, Kuala Lumpur tujuh naskah buku yang sama dirampas. Buku itu didapati mengandungi banyak iklan mengenai produk-produk keluaran 21 st Century dan tiga diantara iklan-iklan itu dikatakan melanggar peruntukan Akta itu;

(a) Muka surat bertajuk Selenium' N Ace.

(b) Muka surat 38 "Dong Quai" (Tang Kwei)

(c) Muka surat 40 "Royal Korean Ginseng" "Food of the Emperors".

Ketiga-tiga iklan ini dijadikan subjek pertuduhan-pertuduhan terhadap responden.

Timbalan pendakwa raya bagi pihak responden berhujah bahawa Tuan Majistret telah tersilap dari segi undang-undang dan fakta apabila beliau memutuskan bahawa pendakwa gagal membuktikan kes *prima facie* terhadap responden berdasarkan atas keputusan beliau bahawa unsur penyiaran (publication) tidak berjaya dibuktikan oleh pendakwa. Rujukan di buat kepada **Black's Law Dictonary with Pronunciation -Edisi Kelima** di dalam mana "Publication" diberi makna: *To make public; to make known to people in general*. City Farmasi telah dibekalkan dengan buku yang berkenaan (P3) oleh responden dan dengan itu responden telah mengambil bahagian dalam penyiaran iklan yang terkandung di dalam buku ini.

Bagi pendapat saya isu yang penting di dalam rayuan ini adalah samada responden telah mengambil apa-apa bahagian dalam penyiaran iklan yang terkandung didalam buku berkenaan (P3) seperti yang dihuraikan di bawah s. 3(1)dan s. 4B Akta Ubat (Iklan dan Penjualan) 1956.

Seksyen 3(1) Akta Ubat (Iklan dan Penjualan) 1956 adalah seperti berikut:

> 3(1) Tertakluk kepada akta ini, tiada seseorang pun boleh mengambil apa-apa bahagian dalam penyiaran apa-apa iklan yang merujuk kepada mana-mana artikel, atau artikel-artikel daripada apa-apa jenis, dalam keadaan yang direncanakan untuk mempengaruhi penggunaan artikel atau artikel-artikel daripada jenis itu sebagai sesuatu ubat, alat atau penyembuh bagi maksud:
>
> (a) Mencegah atau merawat penyakit dan keadaan manusia seperti yang dinyatakan di dalam jadual.
>
> (b) ...
>
> (c) memperbaiki keadaan atau perjalanan ginjal atau jantung manusia, atau memperbaiki fungsi seks atau performans seks manusia.
>
> Dengan syarat bahawa sub-seksyen ini tidak terpakai bagi mana-mana iklan yang disiarkan oleh Kerajaan Persekutuan atau mana-mana pihak berkuasa tempatan atau awam, atau oleh badan yang mentadbir sesebuah hospital awam atau oleh mana-mana orang yang diberi kuasa menyiarkan iklan itu oleh menteri.

Seksyen 4 (B) berbunyi:

> (1) Tiada seseorang pun boleh mengambil apa-apa bahagian dalam penyiaran apa-apa iklan yang merujuk kepada apa-apa artikel, atau artikel-artikel daripada apa-apa jenis, dalam keadaan yang direncanakan untuk mempengaruhi penggunaan artikel atau artikel-artikel daripada jenis itu sebagai ubat alat atau penyembuh bagi maksud merawat atau mencegah penyakit atau keadaan manusia selain daripada penyakit-penyakit dan keadaan yang dinyatakan dalam s. 3(1) melainkan iklan itu telah diluluskan oleh Lembaga Iklan Ubat.

Majistret perbicaraan dalam alasan penghakimannya menegaskan hakmilik dan hakcetak buku berkenaan dipunyai oleh sebuah syarikat yang berdaftar di Australia dan kandungan buku tersebut tidak diubahsuai langsung oleh responden. Peranan responden ialah mengimpot buku-buku tersebut dan mengedarkan kepada sebuah kedai farmasi dan pengedaran sahaja tidak harus dianggap sebagai sebahagian daripada penyiaran sesuatu.

Buku yang berkaitan dengan kes ini dicetak untuk diedarkan kepada Doktor, Ahli Farmasi dan Nutritionists dan Health Care Professionals only dan ternyata hakmilik dan hakcetak dipunyai oleh 21st Century Nutritional Products Pty. Ltd. Australia (All Rights Reserved - Copyright of 21st Century Nutritional Products

Pty. Ltd.(Australia). Responden terlibat dalam pengedaran health food dan barangan body care keluaran 21st Century Pty. Ltd. Australia kepada kedai-kedai farmasi di Malaysia. Mengikut keterangan jurujual (SP6) City Pharmacy buku (P3) bukanlah untuk diedarkan (distribution) tetapi atas gesaan pembantu farmasi (SP1) setelah dia menunjukkan kad kuasanya dan menyatakan dia seorang Pegawai Kesihatan buku itu diserahkan kepadanya. Selain dari itu tidak ada keterangan yang membuktikan buku itu telah diedarkan kepada orang ramai (public). Walaupun penyiaran tidak didefinasikan di bawah Akta makna yang seimbang dari implikasi kegunaannya didalam Akta ini ialah menyebarkan iklan yang berhubung dengan penyakit tertentu di bawah s. 3(1) dan menyebarkan iklan ubat di bawah s. 4B(1) Akta itu kepada orang ramai. Didalam Kamus Dewan Edisi Baru penyiaran di beri erti "perbuatan penyiaran iaitu menghebahkan kepada orang ramai".

Keterangan di dalam kes ini adalah jelas menunjukkan nyata responden ada menyimpan buku-buku (P3) yang mengandungi iklan-iklan seperti di dalam pertuduhan-pertuduhan di premisnya di Taman Tun Dr. Ismail dan membekalkan buku-buku tersebut kepada City Farmasi. Menyimpan dan mengedarkan buku tersebut kepada orang atau gulungan tertentu seperti doktor, ahli farmasi, doktor pergigian dan lain-lain yang disenaraikan di bawah s. 3(2) Akta Ubat (Iklan dan Penjualan) 1956 tidaklah menjadi kesalahan.

Di dalam kes rayuan ini tidak ada keterangan responden telah mengambil apa-apa bahagian dalam penyiaran iklan seperti yang disebutkan di dalam ketiga-tiga pertuduhan terhadapnya tetapi sebaliknya keterangan membuktikan responden membekalkan buku itu kepada City Farmasi salah satu daripada kelas orang yang dibolehkan penyiaran iklan itu dibuat seperti yang disenaraikan dibawah s. 3(2)Akta ini. Untuk sabitan kesalahan dibawah s. 3(1) dan s. 4B(1) Akta ini perlulah dibuktikan seseorang itu mengambil peranan menyiarkan Iklan kepada orang ramai dengan cara menyebarkan iklan kepada orang ramai.

Atas sebab-sebab yang dinyatakan di atas rayuan oleh pendakwa raya adalah ditolak.

RAMALINGAM A/L PERIAPU MUNUSAMY

lwn.

THE DEPUTY INSPECTOR GENERAL OF POLICE & SATU LAGI.

MAHKAMAH TINGGI, SEREMBAN
DATO' FAIZA TAMBY CHIK H.
[GUAMAN SIVIL NO: 21(22) - 170 - 89]
22 SEPTEMBER 1993

PEMBUANGAN KERJA: Inspektor percubaan dibuang kerja - Samada pembuangan kerja mengikut prosedur - Perkara 135(2) Perlembagaan Persekutuan; Perintah-perintah Am Pegawai Awam (Kelakuan & Tatatertib) (Bab D) 1980.

Tuduhan terhadap plaintif adalah bahawa dia telah berpakaian seragam pagawai polis berpangkat Penolong Penguasa Polis. Plaintif sebenarnya Inspektor Percubaan. Plaintif telah mencabarkan prosedur dalam mana ia dibuang kerja.

Diputuskan:

[1] Menurut peratuan-peraturan yang relevan, tempoh masa yang dikehendaki untuk plaintif membuat representasi secara bertulis adalah tidak kurang daripada 14 hari. Di sini tempoh selama 16 hari telah dibenarkan kepada plaintif. Jadi, plaintif telah diberi hak untuk membuat penjelasan dan Perkara 135(2) Perlembagaan Persekutuan telah dipatuhi.

[2] Pindaan tarikh-tarikh dalam surat tunjuk sebab adalah diketahui oleh plaintif sebelum ianya dibuang kerja tetapi tiada sebarang bantahan atau representasi lanjutan diterima daripada plaintif dalam hal ini. Tambahan pada itu plaintif ada mengakui bahawa asas tuduhan adalah penyamaran sebagai Penolong Penguasa Polis; di mana plaintif telah mengaku salah. Mahkamah mendapati tidak ada kekeliruan dialami oleh plaintif sebab pindaan itu tidak mengubahkan inti tuduhan.

[Permohonan ditolak dengan kos].

Perundangan yang di rujuk:

Perintah-perintah Am Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) (Bab "D") 1980, Bahagian II, Peruntukan 23, Perintah 23, *24*, *26*
Perlembagaan Persekutuan, Perkara 132 (2), 135 (2)

Bagi pihak plaintif - Christopher Fernando (Paul bersamanya); Tetuan Aris Rizal Christopher Fernando & Co.
Bagi pihak defendan - B. Sarala Pillay (Salehuddin & Abdullah Hassan bersamanya), PKP